



Kepada yang Berkenaan:

Jurutera Profesional dengan Perakuan Amalan (PEPC) / Jurutera Profesional (PE) /  
Pemeriksa Bertauliah (AC) / Pemeriksa Tapak (IOW) dan  
Syarikat Pemilik Tunggal / Perkongsian / Pertubuhan Perbadanan / Multi Disiplin

## NOTIS PEMBAHARUAN PENDAFTARAN TAHUN 2024

### Am:

Dengan hormatnya dimaklumkan pendaftaran individu dan Syarikat Amalan Perunding Kejuruteraan (ECP) tuan/puan untuk tahun **2023** akan tamat pada **31/12/2023**.

Pembaharuan pendaftaran dan pengemukaan jam CPD **SECARA ATAS TALIAN** menerusi *MyBEM Online Registration System* (<https://engineer.org.my>) telah **dikuatkuasakan SEPENUHNYA** sejak tahun 2020. Sijil pembaharuan pendaftaran dikeluarkan secara digital melalui sistem MyBEM dan boleh dimuat turun pada bila-bila masa.

### ECP:

Bagi ECP yang telah membuat perubahan pada struktur pengarah atau pegangan sahamnya tetapi masih belum mengemaskinikan rekodnya dengan LJM, sila berbuat demikian secara atas talian dengan kadar segera.

Kegagalan tuan/puan untuk mengemaskinikan rekod pendaftaran ECP akan menyebabkan kesulitan ketika membaharui pendaftaran ECP untuk tahun 2024 kelak. Untuk bantuan lanjut/kemusykilan, sila salurkan pertanyaan tuan/puan kepada sekretariat di [ecp@bem.org.my](mailto:ecp@bem.org.my)

### Pembangunan Profesional Berterusan (CPD):

#### 1. Penyerahan Rekod CPD 2023

Selaras dengan Pekeliling LJM 002 mengenai Keperluan Pembangunan Profesional Berterusan (CPD), keperluan CPD untuk tempoh tiga tahun (2021, 2022, dan 2023) adalah seperti berikut:

PEPC:	Purata tahunan sebanyak 50 Jam CPD dengan jumlah minima terkumpul sekurang-kurangnya 150 Jam CPD selama tiga (3) tahun berturut-turut.
PE:	Purata tahunan sebanyak 25 Jam CPD dengan jumlah minima terkumpul sekurang-kurangnya 75 Jam CPD selama tiga (3) tahun berturut-turut.
IOW:	Jumlah sebanyak 30 jam CPD yang perlu diperoleh selama setiap tiga (3) tahun.

#### 2. Keperluan CPD Bagi PEPC, PE, dan IOW Berumur 65 dan ke Atas

PEPC, PE, dan IOW yang berusia 65 tahun dan ke atas hanya dikehendaki memenuhi keperluan CPD seperti berikut:

PEPC:	Purata tahunan sebanyak 25 Jam CPD dengan jumlah minima terkumpul sekurang-kurangnya 75 Jam CPD selama tiga (3) tahun berturut-turut.
PE:	Purata tahunan sebanyak 13 Jam CPD dengan jumlah minima terkumpul sekurang-kurangnya 39 Jam CPD selama tiga (3) tahun berturut-turut.
IOW:	Jumlah sebanyak 15 jam CPD yang perlu diperoleh selama setiap tiga (3) tahun.

### 3. Keperluan CPD Bagi Pendaftaran Baharu PE, PEPC, dan IOW

Bagi pendaftaran PE, PEPC, dan IOW yang baharu diluluskan dalam tahun 2023, keperluan Jam CPD adalah mengikut prorata berdasarkan bulan seperti berikut:

#### Bulan Januari 2023 hingga Jun 2023:

Bulan	Jumlah Prorata CPD		
	PE	PEPC	IOW
Januari	23	46	10
Februari	21	42	9
Mac	19	38	8
April	17	33	7
Mei	15	29	6
Jun	13	25	5

#### Bulan Julai 2023 hingga Disember 2023:

Jam CPD tidak perlu dikemukakan untuk tahun 2023. Walau bagaimanapun, tuan/puan adalah digalakkan merekod sebarang Jam CPD untuk tahun 2023.

#### SILA AMBIL PERHATIAN:

1) Semua urusan Pembaharuan Pendaftaran dan Rekod CPD melalui faks dan emel tidak akan diterima.

2) Tarikh Akhir Pembaharuan: **31 JANUARI 2024.**

Adalah menjadi tanggungjawab tuan/puan untuk membaharui pendaftaran dengan LJM bagi meneruskan amalan profesion tuan/puan di Malaysia. Kegagalan untuk berbuat demikian membolehkan tindakan di bawah Seksyen 16(b), Akta Pendaftaran Jurutera 1967 diambil ke atas pendaftaran tuan/puan.

*“16. There shall be removed from the Register the name and other particulars of –  
(b) any registered Person, other than a Graduate Engineer, Engineering Technologist,  
or Engineering consultancy practice who has failed to renew his or its registration  
within one month of the expiry of the registration”*

Saya yang menjalankan amanah,

SGD

**(Ir. Dr. MEGAT ZUHAIRY BIN MEGAT TAJUDDIN)**

Pendaftar

LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA